



PENERBIT
Universiti Sultan Zainal Abidin

FIQAH

KEKELUARGAAN ISLAM

ISU TERPILIH



Disunting oleh
NORMADIAH DAUD
SYH NOORUL MADIHAH SYED HUSINI
TENGGU FATIMAH MULIANA TENGGU MUDA

FIQAH
KEKELUARGAAN
ISLAM
Isu Terpilih

FIQAH
KEKELUARGAAN
ISLAM
Isu Terpilih

NORMADIAH DAUD
SYH NOORUL MADIHAH SYED HUSIN
TENGGU FATIMAH MULIANA TENGGU MUDA

PENERBIT UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
KUALA NERUS • 2021
www.penerbit.unisza.edu.my

© Hak cipta / *Copyright* Universiti Sultan Zainal Abidin, 2021.

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Universiti Sultan Zainal Abidin Press.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
Penerbit UniSZA
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Nerus
Terengganu, MALAYSIA
Tel: 09-668 8772, Faks: 09-668 7867
Laman web: <http://www.penerbit.unisza.edu.my>

KANDUNGAN

<i>Prakata</i>	7
<i>Pengenalan</i>	9
Bab 1 Asas Pembentukan Keluarga Islam.....	13
<i>Nizaita Omar, Zulkifly Muda, Siti Murdiah Salleh & Normadiyah Daud</i>	
Bab 2 Kedudukan Isteri dalam Sistem Kekeluargaan Islam.....	23
<i>Nizaita Omar, Zulkifly Muda & Siti Murdiah Salleh</i>	
Bab 3 Hak Isteri Terhadap Fasakh Menghilangkan Kemudaratan dalam Perkahwinan.....	41
<i>Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda, Azizah Mohd & Noraini Md.Hashim</i>	
Bab 4 Amalan Beridiah dalam Kalangan Isteri yang Kematian Suami dari Perspektif Syarak.....	57
<i>Syh Noorul Madiah Syed Husin, Sumayyah Abd Aziz, Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda, Siti Fatimah Salleh & Najihah Abd Wahid</i>	
Bab 5 Rawatan Kesuburan untuk Mendapatkan Zuriat.....	87
<i>Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali, Siti Khatijah Ismail, Nadhirah Nordin & Siti Fatimah Salleh</i>	
Bab 6 Sambutan Kelahiran Anak dari Perspektif Islam dan Adatnya dalam Masyarakat Melayu.....	103
<i>Zurita Mohd Yusoff, Siti Fatimah Salleh, Nadhirah Nordin, Siti Khatijah Ismail & Normadiyah Daud</i>	

Bab 7	Susu Ibu Anugerah Terindah Buat Seorang Anak.....	125
	<i>Normadiyah Daud, Zurita Mohd Yusoff, Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda & Syh Noorul Madihah Syed Husin</i>	
Bab 8	Hukum dan Kebajikan Anak Terbuang (<i>Laqith</i>).....	139
	<i>Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali, Zulkifli Mohd & Syed Mohd Azmi Syed Ab Rahman</i>	
	<i>Indeks.....</i>	<i>149</i>

BAB 3

Hak Isteri Terhadap Fasakh Menghilangkan Kemudaratan dalam Perkahwinan

Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda

Azizah Mohd

Noraini Md.Hashim

Prinsip Islam yang diasaskan pada pencegahan kemudaratan merupakan salah satu prinsip asas dalam kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat. Ia menunjukkan bahawa semua jenis kemudaratan perlu dihilangkan dan dielakkan sama ada ia melibatkan individu atau masyarakat. Anjuran kepada prinsip ini boleh dikaitkan dengan firman Allah s.w.t.:

وَإِنِ امْرَأَةٌ خَافَتْ مِنْ بَعْلِهَا نُشُورًا أَوْ إِعْرَاضًا فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا أَنْ يُصْلِحَا بَيْنَهُمَا
صُلْحًا ۗ وَالصُّلْحُ خَيْرٌ ۗ وَأُحْضِرَتِ الْأَنفُسُ الشُّحَّ ۗ وَإِنْ تُحْسِنُوا وَتَتَّقُوا فَإِنَّ
اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا

Maksudnya:

Dan jika seorang perempuan bimbang akan timbul dari suaminya 'nusyuz' (kebencian), atau tidak melayaninya, maka tiadalah salah bagi mereka (suami isteri) membuat perdamaian di antara mereka berdua (secara yang sebaik-baiknya), kerana perdamaian itu lebih baik (bagi mereka daripada bercerai-berai); sedang sifat bakhil kedekut (tidak suka memberi atau bertolak ansur) itu memang tabiat semula jadi yang ada pada manusia. Dan jika kamu berlaku baik (dalam pergaulan), dan

mencegah diri (daripada melakukan kezaliman), maka sesungguhnya Allah Maha Mendalam Pengetahuan-Nya akan apa yang kamu lakukan. (al-Nisa': 128)

Sehubungan dengan ayat di atas, Ibnu Kathir (2004) menjelaskan bahawa apabila isteri bimbang suaminya menjauhkan diri darinya atau meninggalkannya, dia dibenarkan untuk menyerahkan sebahagian haknya; seperti nafkah, pakaian, kediaman dan lain-lain dan suami dibenarkan menerima tawaran sedemikian. Prinsip toleransi yang dinyatakan di dalam al-Quran ini tidak bermaksud bahawa suami untuk diizinkan mengabaikan hak isteri sewenang-wenangnya, kerana Islam secara jelas telah menggariskan hak suami dan isteri dalam perkahwinan. Selain itu, hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: Tidak ada kemudaratatan atau tidak memudaratkan. (Ibn Majah t.th. 2331)

Berdasarkan hadis ini, sebarang bentuk kemudaratatan adalah ditegah sama ada kemudaratatan itu terhadap diri sendiri atau mendatangkan kemudaratatan kepada orang lain. Hadis ini telah menjadi asas kepada beberapa kaedah fiqah berkaitan kemudaratatan. Sebagai contoh, "Kemudaratatan dihapuskan setakat yang mungkin" dan "Kemudaratatan yang lebih besar dihilangkan dengan kemudaratatan yang lebih ringan". Ini menunjukkan apabila terdapat kemudaratatan, segala usaha harus dilakukan untuk mencegah dan menghilangkan kemudaratatan tersebut. Ibn Manzur (2003) dalam *Lisan al-Arab* menerangkan maksud kemudaratatan atau '*darar*' adalah sesuatu yang menyebabkan kerosakan atau bahaya, dan ia adalah bertentangan dengan manfaat. Kemudaratatan juga merujuk kepada kecederaan atau kesusahan (Abu Jayb 1985).

Menurut fuqaha, kemudaratatan yang dimaksudkan di sini merujuk kepada apa-apa perbuatan yang boleh memberi kesan buruk kepada agama, diri, anak, fikiran, kekayaan, dan penghormatan (al-Nadawi 1994). Ini juga merupakan pandangan al-Shatibi (1991) yang menyatakan bahawa bahaya itu merujuk kepada penyiksaan atau salah laku suami terhadap isteri yang mempengaruhi lima kepentingan Syariah (*daruriyyat al-khamsah*) iaitu perlindungan terhadap agama, diri, harta, keturunan dan akal.

Berasaskan prinsip menghilangkan kemudaratatan ini, dalam keadaan-keadaan tertentu, Islam menyediakan pilihan

kepada pasangan suami atau isteri untuk memutuskan ikatan perkahwinan secara fasakh melalui permohonan kepada hakim. Oleh yang demikian, perlu difahami bahawa kuasa untuk memutuskan perkahwinan tidak hanya terletak di tangan suami melalui lafaz talak. Apabila sesuatu ikatan perkahwinan tidak lagi berfungsi mengikut matlamat Syariah, contohnya apabila jelas berlaku kemudharatan ke atas isteri atau suami, Islam membenarkan pembubaran perkahwinan melalui fasakh iaitu penamatan perkahwinan atas sebab-sebab yang menghalang kesinambungan perkahwinan. Walaupun tidak jelas ditetapkan dalam al-Quran, fasakh telah diterima sebagai cara untuk membubarkan perkahwinan berdasarkan prinsip-prinsip preventif yang terdapat dalam al-Quran dan hadis mengenai kemudharatan.

Pembubaran perkahwinan melalui fasakh yang dibenarkan adalah berdasarkan kepada alasan-alasan yang tertentu sebagaimana yang telah dibahaskan oleh para fuqaha. Antara alasan yang diperdebatkan oleh fuqaha adalah kegagalan suami untuk memberi nafkah, keaiban, kecacatan atau penyakit pada suami atau isteri, suami dipenjara atau pasangan menghilangkan diri sehingga mendatangkan kemudharatan kepada kehidupan pasangan (al-Jaziri 2004).

Menghilangkan Kemudharatan Bagi Memenuhi Matlamat Syariah

Mengelakkan kemudharatan dan melindungi hak individu dan masyarakat adalah fungsi utama undang-undang. Ibnu Qayyim dalam menjelaskan *maqasid al-Shariah* atau matlamat Syariah berkata asas syariah adalah kebijaksanaan dan menjaga kepentingan manusia di dunia dan akhirat (Ibn Qayyim 1993). Di dalam *al-Muwafaqat*, al-Shatibi (1991) menjelaskan matlamat syariah menumpukan tujuan undang-undang yang merangkumi penjelasan mengenai pelbagai aspek konsep pencegahan kemudharatan dan pencapaian *maslahat* (kebaikan) sebagai prinsip teori hukum Islam. Konsep ini juga menjadi asas falsafah undang-undang Islam. Masalah menurut al-Ghazali (1995) pada asasnya merupakan ungkapan untuk memperoleh *manfa'ah* (faedah) atau penolakan *madarra* (kecederaan dan bahaya). Ibn Ashur (2006) misalnya membuat teori 'menjaga keluarga' menjadi maqasid undang-undang Islam dengan haknya sendiri, dan bahkan

mengembangkan teori 'pemeliharaan keturunan' ke dalam 'pemeliharaan sistem keluarga'. Secara relatif dapat dilihat bahawa perbincangan dalam kalangan fuqaha bagi memelihara unit keluarga adalah dengan menegakkan konsep masalah atau dan menghindari unsur-unsur kemudharatan.

Alasan Pembubaran Perkahwinan Secara Fasakh

Salah satu tujuan pernikahan dalam Islam adalah untuk menikmati keberadaan pasangan masing-masing dalam kehidupan selain menghalalkan perhubungan antara pasangan. Perbincangan mengenai alasan yang membenarkan pembubaran perkahwinan secara fasakh bagi menghilangkan kemudharatan telah dibahaskan dengan terperinci oleh fuqaha sama ada dalam teks klasik atau kontemporari.

Fuqaha bersepakat bahawa wajib bagi suami untuk memberi nafkah kepada isterinya kecuali isteri menunjukkan ketidaktaatan (*nusyuz*) seperti meninggalkan rumah tanpa persetujuan suami atau enggan melakukan kewajipan perkahwinan tanpa sebab yang sah (Fathallah A. Tuffaha 2011). Fuqaha Mazhab Syafi'i dan Hanbali berpendapat bahawa kegagalan memberi nafkah adalah salah satu alasan yang membenarkan fasakh dan tidak akan menjejaskan bilangan talak (*al-Syirazi t.th.*). Oleh itu, walaupun suami kemudiannya membuktikan bahawa dirinya mampu dan bersedia memberikan nafkah, dia hanya dapat berkahwin semula dengan isterinya dengan akad yang baharu. Dalam hal ini, fuqaha Mazhab Maliki berpendapat fasakh adalah satu perceraian talak *raj'i* iaitu talak yang boleh dirujuk. Jika suami membuktikan bahawa dia mampu memberi nafkah maka suami boleh merujuk kembali dengan isterinya dalam tempoh idah tanpa akad yang baharu. Oleh yang demikian, adalah jelas bahawa isteri dibenarkan untuk menuntut fasakh apabila suami telah gagal atau cuai dalam menunaikan nafkah dengan cukup berdasarkan prinsip untuk menghilangkan kemudharatan ke atas diri isteri.

Fasakh juga boleh berlaku apabila suami mendatangkan kecederaan atau menganiayai isteri. Ini juga berdasarkan pendapat Mazhab Maliki dan Hanbali bahawa isteri boleh meminta hakim untuk memerintahkan perceraian jika dia mendakwa bahawa

suami telah menganiayai dan menzalimi dirinya sehinggakan menjadikan mustahil untuk isteri hidup bersama suami dalam ikatan perkahwinan. Contohnya suami menghina, memukul atau mengambil tindakan lain yang tidak boleh ditanggung oleh isteri. Menurut Mazhab Maliki, jika isteri tidak lagi dapat bersabar dengan kemudaratan yang berlaku, serta hakim tidak dapat mendamaikan pasangan berkenaan, maka hakim boleh mengarahkan satu perceraian dengan talak *bain* iaitu perceraian yang tidak dapat dirujuk semula (Sayyid Sabiq t.th.).

Al-Dardir (al-Dusuqi t.th.) menyatakan bahawa isteri berhak memohon perceraian akibat kemudaratan apabila suami bertindak bertentangan dengan ajaran Islam, seperti meninggalkan isteri tanpa sebab yang sah, atau menghina isteri atau menghina keturunan isterinya. Pandangan ini juga dipersetujui oleh Zaydan (1993) kerana *darar* menurut beliau adalah sesuatu yang boleh menyebabkan kecederaan atau menyakiti secara fizikal, emosi atau psikologi atau dengan membahayakannya atau dengan mendatangkan kemusnahan. Fuqaha Mazhab Syafie dan Hanafi walau bagaimanapun berpendapat bahawa walaupun kecederaan atau kemudaratan dapat merosakkan hubungan perkahwinan, ia bukanlah satu-satunya alasan untuk membenarkan perceraian (al-Syirbini 1998).

Sekiranya salah seorang suami mempunyai kecacatan yang menyebabkan dia menjauhkan diri daripada isteri, atau isteri tidak boleh bertolak ansur dengan kecacatan suami, maka sudah tentu kebahagiaan dan keharmonian hidup tidak dapat dicapai. Kecacatan fizikal atau mental pasangan boleh menghalangnya daripada melaksanakan kewajipan perkahwinan, dan boleh menyebabkan pasangan yang lain menderita. Apabila suami atau isteri mempunyai kecacatan yang membuatkan ikatan perkahwinan mereka tidak dapat dipertahankan, maka adalah penting bagi hakim untuk memberikan *relif* kepada pasangan itu dengan membubarkan perkahwinan (Ibnu Qayyim 1993).

Konsep perkahwinan dalam Islam ini adalah berdasarkan hakikat bahawa Islam tidak menganggap perkahwinan sebagai satu kontrak yang bersifat abadi dan tidak boleh dibatalkan dalam apa jua keadaan, tetapi sebaliknya, perkahwinan mungkin dibubarkan sebaik sahaja dapat dibuktikan bahawa pasangan suami isteri tidak lagi dapat berkongsi hidup bersama. Secara

umumnya, fuqaha bersepakat bahawa perkahwinan boleh dibubarkan jika salah seorang pasangan menderita penyakit tertentu. Walau bagaimanapun para fuqaha mempunyai perbezaan pendapat sama ada suami mempunyai hak yang sama seperti isteri untuk membubarkan perkahwinannya melalui perintah hakim apabila isterinya mengalami kecacatan atau sebaliknya.

Menurut Mazhab Hanafi, suami tidak dibenarkan menuntut fasakh atas alasan kecacatan isteri (al-Kasani 1997). Ini disebabkan oleh hakikat bahawa suami boleh menjalankan haknya untuk melafazkan talak dalam keadaan sedemikian. Menurut fuqaha Mazhab Maliki dan Shafi'i, setiap kecacatan pada bahagian kelamin sama ada berlaku kepada suami atau isteri sehingga tidak membolehkan melakukan hubungan seksual adalah sebab yang sah untuk pembubaran perkahwinan (Ibn Rusyd 2001; al-Syirbini 1998).

Semua alasan yang membenarkan fasakh ini berkait rapat dengan prinsip menghilangkan kemudaratan seperti yang dibincangkan oleh para fuqaha dalam memelihara sistem kehidupan berkeluarga. Harus difahami juga bahawa pelbagai mazhab fiqah yang ada telah mentafsirkan Syariah berdasarkan realiti semasa mereka. Perselisihan dalam istilah dan syarat dalam membenarkan fasakh itu sendiri menunjukkan adanya prinsip fleksibiliti dalam undang-undang Islam yang merupakan aspek penting untuk mengaplikasi tuntutan Islam dalam realiti masyarakat kontemporari. Oleh kerana undang-undang dalam masyarakat memainkan peranan penting dan undang-undang juga berevolusi dengan kehidupan seiring perubahan sosial, prinsip *darar* dan menghilangkan kemudaratan telah diperuntukkan di bawah undang-undang di Malaysia yang membenarkan pembubaran perkahwinan secara fasakh.

Pembubaran perkahwinan melalui Fasakh di Mahkamah Syariah

Peruntukan undang-undang berkaitan fasakh pada awalnya hanya berhak dimohon oleh isteri di Mahkamah Syariah, menjadikannya hak eksklusif wanita. Di bawah pindaan terkini bermula di Wilayah Persekutuan (Akta A1261) pada tahun 2006, hampir semua alasan yang membolehkan permohonan perintah fasakh

telah dipinda di bawah undang-undang keluarga Islam di negeri-negeri yang memberikan lelaki hak yang sama.

Undang-undang menggariskan bahawa seseorang boleh memohon pembubaran perkahwinan di Mahkamah Syariah berdasarkan satu atau beberapa alasan yang telah disenaraikan dan diperuntukkan dalam undang-undang keluarga Islam di setiap negeri. Seksyen 2 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303) memperuntukkan "*darar syarie*" sebagai bahaya yang menyentuh isteri mengenai agama, nyawa, tubuh badan, akal fikiran, akhlak atau harta benda mengikut kebiasaan yang diakui oleh hukum syarak. Takrif itu sendiri meluaskan definisi *darar* yang bukan sahaja bermaksud kemudaratan, tetapi memberi perlindungan kepada *daruriyyat al-khamsah* yang dilindungi dalam Islam. Fasakh diperuntukkan di bawah Seksyen 52 (1) (h) Akta 303 iaitu: Seorang perempuan atau lelaki, mengikut mana-mana yang berkenaan, berkahwin mengikut hukum Syarak adalah berhak mendapat satu perintah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh atas satu atau lebih daripada alasan-alasan berikut iaitu:

- (a) bahawa tempat di mana beradanya suami atau isteri telah tidak diketahui selama tempoh lebih daripada satu tahun;
- (b) bahawa suami telah cuai atau telah tidak mengadakan peruntukan bagi nafkahnya selama tempoh tiga bulan;
- (c) bahawa suami atau isteri telah dihukum penjara selama tempoh tiga tahun atau lebih;
- (d) bahawa suami atau isteri telah tidak menunaikan, tanpa sebab yang munasabah, kewajipan perkahwinannya (nafkah batin) selama tempoh satu tahun;
- (e) bahawa suami telah mati pucuk pada masa perkahwinan dan masih lagi sedemikian dan isteri tidak tahu pada masa perkahwinan bahawa suami telah mati pucuk;
- (f) bahawa suami atau isteri telah gila selama tempoh dua tahun atau sedang mengidap kusta atau vitiligo atau sedang mengidap penyakit kelamin dan dalam keadaan boleh berjangkit;
- (g) bahawa isteri, setelah dikahwinkan oleh wali mujbirnya sebelum ia mencapai umur baligh, menolak perkahwinan

- itu sebelum mencapai umur lapan belas tahun, dan ia belum disetubuhi oleh suaminya itu;
- (h) bahawa suami atau isteri menganiayai isteri atau suaminya iaitu, antara lain-
- (i) lazim menyakiti atau menjadikan kehidupannya menderita disebabkan oleh kelakuan aniaya;
 - (ii) berkawan dengan perempuan-perempuan atau lelaki jahat atau hidup berperangai keji mengikut pandangan hukum syarak;
 - (iii) cuba memaksa isteri hidup secara lucah;
 - (iv) melupuskan harta isteri atau suami atau melarang isteri atau suami itu dari menggunakan hak-haknya di sisi undang-undang terhadap harta itu;
 - (v) menghalang isteri atau suami dari menunai atau menjalankan kewajipan atau amalan agamanya;
 - (vi) jika suami mempunyai isteri lebih daripada seorang, dia tidak melayani isteri yang berkenaan secara adil mengikut kehendak-kehendak hukum syarak.

Seksyen 52(h) secara jelas merangkumi perlindungan ke atas diri (kezaliman fizikal dan penganiayaan), perlindungan ke atas akal dan pemikiran (menyakiti dan menjadikan menderita), perlindungan ke atas keturunan (memaksa isteri hidup secara lucah, berperangai keji), perlindungan ke atas harta (pelupusan harta isteri) serta perlindungan terhadap agama (menghalang bentuk pasangan melaksanakan kewajipan agama dan memaksa pasangan untuk menjalani kehidupan yang tidak bermoral).

Perlu difahami bahawa peruntukan yang menyatakan 'lazim menyakiti' hanya relevan dalam kes penganiayaan mental atau psikologi seperti menyakiti hati dan perasaan (*Hairun v Omar* (1990) 8 JH 289). Penganiayaan mungkin berbentuk kekejaman fizikal atau mental, dan 'lazim menyakiti' tidak merujuk kepada perbuatan fizikal kerana pukulan walaupun tidak kerap dianggap menzalimi.

Dalam kes *Halijah bt Mat Serat lwn Mohd Idris bin Nordin* [2009] 1 ShLR 150 defendan adalah penagih dadah. Sejak

penglibatan defendan dalam penagihan dadah, dia telah mengabaikan plaintif dan anak-anak mereka. Defendan juga telah bertindak memukul plaintif sehingga mengancam untuk membunuhnya. Pada tahun 2005, defendan diletakkan di pusat pemulihan selama dua tahun. Dalam tempoh tersebut, plaintif terpaksa bekerja untuk mencari nafkah dan oleh itu, plaintif memfailkan perceraian secara fasakh mengikut seksyen 53 Enakmen Keluarga Islam (Negeri Perak) 2004. Defendan dalam perbicaraan mengakui bahawa dia adalah penagih dadah dan telah gagal memberikan nafkah kepada plaintif selama tempoh melebihi tiga bulan. YA Hakim bicara semasa membenarkan permohonan itu menyatakan bahawa defendan tidak mempunyai alasan yang menghalangnya daripada bekerja atau mencari pendapatan. Hakikat bahawa isteri itu bekerja tidak bermakna defendan tidak perlu memberi nafkah kepada isterinya. Penglibatan defendan dalam penagihan dadah dan penahanan defendan di pusat pemulihan telah menyebabkan plaintif menderita dan terpaksa bekerja untuk menyara diri dan anak-anak. Plaintif juga telah meninggalkan rumah perkahwinan mereka kerana tidak dapat menahan tingkah laku defendan. Mahkamah kemudiannya memutuskan bahawa perbuatan defendan mendatangkan kemudaratan dan kesan buruk terhadap plaintif. Perkahwinan itu kemudian dibubarkan secara fasakh.

Islam juga sangat mementingkan penjagaan maruah dan moral. Oleh yang demikian, jika seorang suami bertindak memaksa isteri menjalani kehidupan yang tidak bermoral, seperti dengan memaksa dia terlibat dalam pelacuran, atau tindakan lain yang dianggap tidak bermoral di bawah undang-undang Syariah, maka mahkamah boleh membubarkan perkahwinan itu secara fasakh. Peruntukan ini jelas menunjukkan bahawa pemeliharaan maruah wanita dijamin di bawah undang-undang Malaysia. Kesalahan memaksa isteri melakukan perbuatan luhur dan tidak bermoral ini boleh dihukum di bawah seksyen 21 (2) Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559), yang memperuntukkan antara lain, bahawa mana-mana orang yang melacur isterinya atau menyebabkan atau membenarkan isterinya untuk melacurkan diri, bersalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh

tidak melebihi tiga tahun atau untuk sebatan tidak melebihi enam kali atau apa-apa kombinasi daripadanya.

Seterusnya, kegagalan suami memberikan nafkah dan menyara isteri juga membolehkan tuntutan fasakh dibuat. Hal ini juga selaras dengan pandangan Mazhab Shafi'i. Hak yang dijamin oleh Islam ini tidak akan hilang tidak kira sama ada isteri dapat menyara dirinya sendiri atau tidak (Azizah & Badruddin 2010; Tengku Fatimah Muliana et al 2017). Dalam kes Siti Rohani lwn Mohd Szali (2004) CLJ Sya 331, perayu telah menuntut fasakh atas alasan bahawa suaminya telah cuai dan gagal memberikan nafkah selama tempoh lebih daripada enam bulan. Perayu dalam kes ini telah membuat rayuan apabila permohonannya untuk membubarkan perkahwinan telah ditolak apabila responden telah membayar RM350.00 selepas kes ditangguhkan selama sebulan bagi menentukan kemampuan responden membayar nafkah kepada plaintif/perayu. Jawatankuasa Rayuan Syariah semasa membenarkan rayuan perayu menyatakan bahawa, seksyen 52 (1) (h) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 telah mengambil kira pandangan Mazhab Maliki, dan YA Hakim bicara telah khilaf dalam memakai mazhab Shafi'i yang mengharuskan fasakh hanya apabila suami membuktikan ketidakmampuan memberi nafkah kepada isteri. Jawatankuasa Rayuan Syariah juga merujuk kepada pandangan minoriti mazhab Shafie yang menyatakan, apabila seorang isteri itu tidak mendapat nafkah daripada suaminya selama tiga hari, dia berhak membubarkan perkahwinan. Rujukan turut dibuat kepada kitab *fiqh al-sunnah* oleh Sayyid Sabiq bahawa jika mahkamah dibenarkan untuk membubarkan perkahwinan atas alasan kecacatan pada suami, perceraian kerana kegagalan untuk memberi nafkah dan mendatangkan kemudaratan kepada isteri harus lebih diutamakan. Oleh itu, dapat dilihat bahawa walaupun telah menjadi kecenderungan di Malaysia untuk mengamalkan pandangan Mazhab Shafi'i, namun menghilangkan kemudaratan dan menjaga masalah pasangan adalah fokus utama undang-undang.

Berdasarkan seksyen 52 (1) (e), jika seorang wanita telah menyedari tentang kemandulan suami sebelum berlaku akad, dia akan kehilangan hak untuk memohon fasakh. Seksyen 52 (3) antara lain memperuntukkan bahawa sebelum membuat suatu

perintah untuk memfasakhkan perkahwinan atas alasan mati pucuk, Mahkamah Syariah hendaklah, atas permohonan oleh suami, membuat suatu perintah yang menghendaki suami memuaskan hati mahkamah dalam tempoh enam bulan dari tarikh perintah itu bahawa dia tidak lagi mati pucuk. Apabila mahkamah berpuas hati bahawa suami telah kembali sihat dan tidak lagi mati pucuk, tiada sesuatu perintah fasakh boleh dibuat atas alasan itu.

Dalam kes *Maznah bte Kassim lwn Othman bin Nordin* [2007] 3 ShLR 112, plaintif telah membuat permohonan fasakh atas alasan suaminya gagal memenuhi kewajiban perkahwinannya (nafkah batin) melebihi satu tahun serta berlaku *syiqaq* antara mereka. Walaupun pihak-pihak tinggal di bawah satu bumbung, defendan dalam kenyataannya mengakui bahawa dia telah tidak melakukan hubungan kelamin bersama isteri selama lebih daripada lima tahun dan dia mempunyai alasan untuk tindakannya tetapi tidak dinyatakan dalam keterangan defendan. YA Hakim menjelaskan bahawa adalah menjadi tanggungjawab seorang suami untuk menghormati kedudukan seorang isteri, tidak menyakiti atau memalukannya. Menurut mahkamah, apa yang perlu ditekankan ialah antara hikmah perkahwinan adalah untuk mempunyai hubungan suami isteri yang sah dan diredai Allah s.w.t.. Tidak ada sebab bagi pihak-pihak untuk menafikan hak mereka terhadap satu sama selagi tidak ada masalah kesihatan atau alasan yang dibenarkan oleh Syarak untuk menafikan hak berkenaan. Mahkamah memutuskan bahawa defendan telah gagal menjalankan kewajipan perkahwinannya (nafkah batin) terhadap plaintif untuk tempoh melebihi satu tahun dan oleh itu, mahkamah membenarkan tuntutan fasakh oleh plaintif.

Dengan objektif menghilangkan kemudaratan dan melindungi hak pasangan dalam kehidupan perkahwinan, variasi alasan-alasan fasakh sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia mencakupi perlindungan terhadap fizikal, emosi dan psikologi pasangan. Berdasarkan kes-kes fasakh yang telah diputuskan, boleh dikatakan bahawa bukan menjadi amalan di Mahkamah Syariah untuk menghadkan pematuhan kepada mazhab tertentu sahaja. Sebaliknya, sesuatu keputusan yang dibuat adalah berdasarkan peruntukan yang diberikan di bawah undang-undang yang telah digubal dengan teliti berdasarkan semangat dan matlamat Syariah

dalam menegakkan keadilan, di samping memberikan keutamaan kepada penjagaan *masalah* dan mengelakkan kemudaratan.

Kesimpulan

Undang-undang Islam hakikatnya adalah universal, realistik dan fleksibel. Sistem moral dalam Islam juga adalah praktikal kerana Islam menggalakkan semua perbuatan baik dan melarang semua tindakan yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada individu, masyarakat mahupun alam. Selaras dengan itu, perundangan Islam menjamin kelestarian unit keluarga dengan mengutamakan konsep menghilangkan kemudaratan dan memberikan hak kepada isteri untuk menuntut fasakh. Peruntukan Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia juga telah digubal dengan teliti yang merangkumi perlindungan ke atas agama, nyawa, keturunan, akal dan harta seseorang. Mahkamah dalam pertimbangannya akan menilai sejauh mana kemudaratan itu boleh ditoleransi dalam kehidupan perkahwinan sebelum membenarkan pembubaran perkahwinan secara fasakh demi mencapai matlamat Syariah.

Rujukan

- Abu Jayb, Said. 1985. *Al-Qamus Al-Fiqhi: Lughatan wa Istilahan*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559).
- Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303).
- Azizah Mohd & Badruddin Hj. Ibrahim. 2010. Muslim wife's right to maintenance: Husband's duty to maintain a working wife in Islamic Law and the Law in Malaysia. *IIUM Law Journal*, 18: 103-121.
- al-Dusuqi, Shams al-Din Muhammad. t.th. *Hasyiah Al-Dusuqi 'ala Sharhi al-Kabir*. Kaherah: Matba'ah 'Isa Al-Babi al-Halabi.
- Fathallah A. Tuffaha. 2011. Al-nusyuz ma'ayiruhu wa atharuhu fi suquti nafqah al-zawjah. *Jurnal Dirasat*, 38(2): 517-529.
- al-Ghazali, Abu Hamid. 1995. *Al-Mustasfa fi Ilm al-Usul*. Jil. 1. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn Ashur. 2006. *Treatise on Maqasid al-Shariah*. Virginia: International Institute of Islamic Thought
- Ibn Kathir, Isma'il bin 'Umar. 2004. *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Riyadh: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Ibn Majah. t.th. *Sunan Ibn Majah*. Jilid 2. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Ibn Manzur. 2003. *Lisan al-Arab*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Ibn Qayyim, Shams al-Din. 1993. *Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyasah al-Shar'iyyah*. Muhammad Jamal (Pnyt.). Kaherah: Matba'ah Al-Madani.

- Ibn Rusyd, Abu Wahid Muhammad bin Ahmad. 2001. *Bidayat al-Mujtahid wa Nihayat al-Muqtasid*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Hairun lwn Omar 1990 8 Jh 289. *Jurnal Hukum*. Kuala Lumpur: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Putrajaya.
- Halijah bt Mat Serat lwn Mohd Idris Bin Nordin [2009] 1 Shlr 150. *The Shariah Law Reports*. Selangor: Malayan Law Journal Sdn. Bhd.
- al-Jaziri, ‘Abd Al-Rahman. 2004. *Al-Fiqh ‘ala al-Madhahib al-Arba’ah*. Jil. 4. Kaherah: Dar al-Manar.
- al-Kasani, ‘Ala al-Din Abi Bakr. 1997. *Badai’ al-Şanai’ fi Tartib al-Syarai’*. Beirut: Dar al-Kutub.
- Maznah bte Kassim lwn Othman Bin Nordin [2007] 3 Shlr 112. *The Shariah Law Reports*. Selangor: Malayan Law Journal Sdn. Bhd.
- al-Nadawi, Ali Amad. 1994. *Al-Qawa’id al-Fiqhiyyah*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Sayyid Sabiq. t.th. *Fiqh Al-Sunnah*. Beirut: Dar al-Turath al-Arabi.
- al-Shatibi. 1991. *Al-Muwafaqat fi Usul Al-Shariah*. Jil. 3 & 4. Kaherah: Syarikah Maktabah Mustafa Al-Babi al-Halabi.
- Siti Rohani lwn Mohd Sazali 2004 Clj Sya 331. *Syariah Reports*. Kuala Lumpur: Malaysian Current Law Journal.
- al-Syirazi Abu Ishaq Ibrahim bin Ali. t.th. *Al-Muhazzab*. Beirut: Dar al-Ma’rifah li al-Tiba’ah wa al-Nashr.
- al-Syirbini, Muhammad bin Ahmad. 1998. *Mughni al-Muhtāj Ila Ma’rifati Ma’ani Alfaz al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Fikr.

Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda, Azizah Mohd & Noraini Md. Hashim. 2017. Darar or harm for failure to maintain the wife: A Quranic and juristic views on marriage dissolution. *International Journal of Academic Research in Business and Social Science*, 7(8). 522-539.

Zaydan, Abdul Karim. 1993. *Ahkam al-Mar'ah Wa al-Bayt al-Muslim fi al-Shariah al-Islamiyyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.